

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

## Minta badan silat usah biar kegiatan 'curi ahli'

BERITA HARIAN, 3 April 2004, Page 19

# Minta badan silat usah biar kegiatan 'curi ahli'

**Mohd Johari Jaafar,  
Hougang.**

MERUJUK kepada surat H .A. Rahim Dayan bertajuk *Prihatin masalah kumpulan 'curi' ahli dan buat 'silat rojak'* (BH, 13 Mac 2004), saya berharap Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dapat memberikan pandangan mengenai soal ini.

Saya sendiri mula menceburi silat di bangku sekolah sekitar 40 tahun lalu.

Sehingga hari ini, saya masih mengamalkan seni silat yang saya pelajari daripada guru saya di Pulau Penyengat.

Memang masa sudah berubah dan gaya hidup kita juga berubah.

Namun seni budaya warisan bangsa tidak boleh berubah kerana itulah identiti kita.

Cuba lihat orang Jepun. Mereka berbangga dengan seni pertahanan diri mereka seperti aikido dan sumo.

Begitu juga dengan orang Cina dengan taiji dan shaolin sementara orang India dengan salembu.

Jika kita amati, kita akan mendapati orang Jepun, Cina dan India terus mempertahankan warisan seni budaya masing-masing.

Perhatikan juga betapa tingginya penghormatan yang diberikan kepada tok guru mereka.

Saya percaya pembelajaran ilmu seni pencak silat juga mempunyai doktrin seperti itu.

Keaslian dan kemurnian pencak silat mesti dipertahankan kerana ini maruah kita.

Sebagai penerima amanah daripada tokoh pengasas Persisi, Allahyarham Haji Yaacob Mohammed, dan guru-guru pencak silat yang telah mendahului kita, Persisi usahlah dan tidak boleh berpeluk tubuh membiarkan kegiatan 'curi ahli'.